

13/03/1997

Perihal remaja dan pemandu teksi

Musomar

ADA tiga masalah utama yang kita hadapi di Kuala Lumpur sekarang iaitu kesesakan lalu lintas, gejala sosial dan sikap pemandu teksi. Oleh kerana sudah banyak kali kita bincang soal lalu lintas yang sesak, kali ini kita hanya memberi tumpuan kepada isu gejala sosial dan sikap pemandu teksi. Gejala sosial bukan hanya berlaku di ibu kota, malah di mana-mana saja hingga menimbulkan kebimbangan semua pihak. Lalu timbullah macam-macam usul, cadangan dan kenyataan, sama ada daripada pemimpin kerajaan, politik dan pertubuhan bukan kerajaan. Ada yang cadangkan ditutup semua pusat hiburan, larang ahlinya masuk kawasan berkenaan dan banyak lagi cadangan lain. Oleh kerana terlalu ghairah dan emosi, ada di antaranya yang terlupa memikirkan kewajaran dan kesan kenyataan mereka itu.

Inilah yang mendorong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegur mereka yang terbabit supaya memahami terlebih dulu masalah sosial yang dihadapi secara mendalam dan bertindak mengatasinya secara bijak dan rasional. Kita setuju dengan apa yang Dr Mahathir kata itu kerana berdasarkan maklum balas yang kita terima, remaja kini berada dalam keadaan tertekan, mereka menjadi begitu sensitif dan berasa seolah-olah apa yang mereka lakukan salah dan semua pihak menuding jari kepada mereka. Keadaan ini tidaklah baik dan ibarat kata pepatah `kerana nila setitik, rosak susu sebelanga'. Tidak semua remaja yang runtuh akhlaknya, malah jika kita perhatikan masih ramai remaja yang memenuhi masjid, menghadiri majlis ilmu, menelaah pelajaran di perpustakaan, aktif dalam bidang sukan, budaya dan teater serta menganjurkan aktiviti berfaedah. Tetapi, disebabkan banyaknya cerita mengenai keburukan dan salah laku remaja yang didedahkan setiap hari, ibu bapa mula sangsi dengan kejujuran anak mereka, masyarakat mula memandang serong dan tanpa usul periksa, ada ibu bapa yang mula menyekat anaknya daripada bercampur dengan rakan-rakan mereka. Akibatnya, anak yang tidak bersalah menjadi mangsa dan kerana kecewa dan kesunyian, mereka mula berjinak dengan buku dan video lucah hingga membawa kepada pengambilan dadah. Itulah contoh paling `extreme' yang kita tunjukkan.

Kita tidak bertujuan menakut-nakutkan ibu bapa, tetapi apa yang penting ialah bertindak sewajarnya dalam menangani sebarang masalah, jangan terburu-buru tanpa usul periksa dan yang penting, remaja adalah golongan yang memerlukan bimbingan dan menjadi tugas kita untuk membimbing mereka. Walaupun kita perlu berhati-hati dalam memberi kebebasan kepada remaja, janganlah sampai mereka berasa seolah-olah tidak mempunyai dan kebebasan serta dikongkong oleh keluarga serta masyarakat. Remaja pula perlu bijak dan jangan sekali-kali menyalahgunakan hak yang diberi. Sekali mereka melakukan kesalahan, sudah pasti ibu bapa dan masyarakat hilang kepercayaan kepada mereka.

Sebenarnya, gejala sosial ini juga boleh kita kaitkan dengan pemandu teksi kerana ada di antara pemandu berkenaan yang runtuh akhlaknya. Walaupun pihak berkuasa menguatkuasakan pelbagai undang-undang, masih ramai yang tidak mengendahkannya. Ada pemandu teksi yang masih memilih penumpang, ada yang memandu sewenang-wenang tanpa mengambilkira keselamatan orang lain, malah ada segelintir yang bersikap seperti `samseng' di jalan raya. Mereka ini sebenarnya tidak pernah serik. Sudah ramai pemandu teksi yang dikenakan tindakan, termasuk digantung permit dan disita teksi mereka, tetapi masih ramai yang melakukan kesalahan. Kita sedih kerana ada di antara pemandu yang digantung permit mereka, datang ke

Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) atau berjumpa menteri untuk merayu supaya diberi semula permit. Tanpa segan silu, mereka menangis di depan menteri, merayu dan berjanji tidak akan melakukan kesalahan. Ketika melakukan kesalahan, mereka mungkin tidak memikirkan kesannya dan apabila berlaku begini, barulah mereka menyesal.

Mungkin kita tidak boleh menyalahkan pemandu teksi sahaja, seperti juga kita menyalahkan remaja kerana terbabit dalam gejala sosial. Sikap pemandu teksi seperti ini mungkin berpunca daripada sistem yang ada. Ramai pemandu teksi yang menyewa teksi atau memandu teksi milik orang lain. Mereka terpaksa memikirkan sewa yang perlu dibayar, minyak yang perlu diisi dan berapa banyak wang yang akan dibawa pulang. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa mencari seberapa ramai penumpang dan kadangkala terpaksa memilih penumpang bagi memastikan yang naik hanya untuk perjalanan jauh.

Keadaan ini berlaku kerana pemilik teksi mengenakan sewa yang tinggi dan pemandu tidak mempunyai pilihan. Sewajarnya pemilik teksi memberikan lebih komitmen dengan mengenakan sewa yang berpatutan. Bagaimana kita boleh memastikan pemandu bersikap positif jika pendapatan mereka masih belum tentu dan terpaksa bertungkus-lumus untuk mencari sesuap nasi, sedangkan pemilik hanya tahu menerima wang sewa sahaja. Kita berharap supaya pemilik dan pemandu dapat memikirkan cara paling baik untuk menyelesaikan masalah ini. Sebagai tuan rumah beberapa acara bertaraf dunia, termasuk Sukan Komanwel, kita berharap isu pemandu teksi memilih penumpang ini tidak akan berlaku lagi.

(END)